

Binatang Yang Haram Dimakan Mengikut Quran dan Hadis

Yang Dipertua Jabatan Agama Negeri Sembilan, Tuan Haji Usman ibn Taat, pemegang Mohor Raja-raja Melayu dan ulama di Perak, menurut berita akhbar, menuntut supaya kitab “Ibadat Rasulullah (SAW)” karangan Faḍīlah al-Ustādh Abū Bakar al-Ash‘arī diharamkan kerana di dalam kitab itu disebut menghalalkan biawak labi-labi dan seterusnya dan yang demikian ini, kata Haji Usman taat menyalahi dari ajaran Islam yang sebenar, sedang kata pemegang Mohor Raja-raja Melayu menyalahi ajaran-ajaran agama Islam yang biasa dipegang di negeri ini; dan kata ulama di Perak menyalahi pengajaran al-Imām al-Syafie.

Pengarangnya, Faḍīlah al-Ustādh Abū Bakar al-Ash‘arī berasa syak hendak memberi jawapan di dalam akhbar yang menyiarkan berita itu, kerana sebagaimana biasanya, mereka tidak mahu memberi peluang menyiarkan jawapan seseorang, maka kerana itulah beliau meminta kita menyiarkan jawapan beliau di dalam majalah Qalam untuk pengetahuan am adakah pengajaran beliau itu salah atau adakah pengajaran beliau itu sebenarnya berasaskan kepada kitab Allah dan sunnah Rasulullah (SAW). Mudah-mudahan dapatlah kita menatap bersama kerana sesuatu tuduhan dengan tidak beralasan adalah semata-mata mengelirukan – dan kerana itu kita bersedia kalau ada, dari pihak orang-orang yang menuntut supaya kitab itu diharamkan, memberi pula keterangannya dan kita insya-Allah akan bersedia menyiarkannya – P.

Saya ada berkata di dalam kitab “Ibadat Rasulullah” bahawa tidak ada nas yang menyebutkan binatang **labi-labi, penyu, biawak, landak, ular dan seumpamanya** sebagai haram, tetapi tetap atas hukumnya yang asal iaitu **mubah atau halal**, kerana tidak terdapat satu pun dalil yang mengharamkannya, kerana manusia tidak ada hak untuk mengharamkan barang yang tidak diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, sekalipun ia tidak gemar memakan barang itu. Dengan itu teranglah bahawa sekalian macam benda makanan dan binatang yang di atas muka bumi ini mubah bagi kita melainkan barang yang dikecualikan oleh agama.

Oleh itu sebelum kita ketahui hukum bagi yang tersebut itu, patut kita mengenal kaedah atau asas hukum Islam supaya dengan kaedah itu dapat kita memaham lain-lain hukum dengan mudah. Hukum Islam itu terbahagi dua, **pertama: hukum ibadat, kedua: hukum adat.** **Hukum ibadat** itu, iaitu **perintah-perintah agama untuk mengerjakan perkara-perkara yang tidak ada contohnya di dalam adat kebiasaan manusia**, seperti, sembahyang, puasa, haji dan sebagainya, melainkan manusia kerjakan perbuatan-perbuatan itu dengan perintah agama.

Ibadat yang ada keterangan dari agama seperti yang tersebut itu dinamakan ibadat yang hak iaitu ibadat yang sebenarnya.

Ada satu macam lagi ibadat, iaitu orang-orang kerjakan beberapa perbuatan dengan anggapan bahawa perbuatan-perbuatan itu diperintah oleh agama, seperti tahlilkan orang mati, mentalkinkan si mati, mengajikan si mati, buat kenduri untuk si mati dan sebagainya. Perbuatan-perbuatan yang tersebut itu dinamakan juga ibadat, maka oleh kerana di dalam adat kebiasaan manusia tidak ada seperti itu, tetapi itu pula bukan ibadat yang sebenarnya yang datang dari Allah dan Rasul, hanya ibadat yang salah atau bidaah namanya, kerana agama tidak pernah yang demikian itu sekali-kali, dan juga seperti membuat tangkal azimat bagi si mati untuk pertanyaan Munkar Nakir.

Adapun hukum adat di dalam Islam itu, iaitu beberapa perintah dan larangan yang berhubung dengan urusan keduniaan yang biasa dikerjakan oleh manusia atau berhubung dengan urusan keduniaan yang dapat difikirkan gunanya, seperti, memberi belanja kepada isteri, memberi sedekah kepada orang miskin, atau memotong tangan orang yang mencuri dan sebagainya.

Sesudah kita ketahui bahagian hukum dalam Islam, perlu pula kita ketahui ketetapan dan pengambilan hukum ibadat dan hukum adat yang tersebut tadi.

Menurut keterangan agama, bahawa tidak ada satu pun

perbuatan yang dapat dianggap seperti ibadat, melainkan apabila **ada perintah dari Allah atau perintah dari Rasul atau dikerjakan oleh Rasul**, ibadah yang tidak dengan perintah Allah atau Rasul-Nya itu dinamakan ibadat yang sesat atau bidaah, adapun perkara keduniaan seperti: makan, minum, perniagaan, pakaian, pertanian, urusan masyarakat dan negara dan apa-apa yang berhubung dengan sekalian itu, semuanya halal dan harus (mubah) melainkan yang mana diharamkan oleh agama.

Ringkasnya (1) bahawa sekalian macam benda makanan di atas muka bumi ini halal bagi kita, melainkan yang diharamkan oleh Quran dan hadis. (2) Bahawa sekalian macam pakaian, pekerjaan, perniagaan, pertanian dan cara-caranya itu boleh kita kerjakan menurut kemahuan kita, melainkan mana-mana yang diharamkan oleh al-Qur'an atau hadis yang sahih maka itu sahaja yang haram, selain dari itu halal semuanya.

Sekarang mari kita periksa hukum binatang-binatang yang tersebut itu, firman Allah Taala di dalam surah al-Baqarah, ayat 29: "*Huwa al-ladhī khalaqa lakum ma fi al-ardi jamī'ā*" ertinya: ialah Tuhan yang telah menjadikan untuk kamu sekalian apa yang ada di atas bumi.

Di dalam firman Allah itu termasuk bahawa segala binatang tersebut itu seperti kambing, lembu, kuda, landak, rusa, kijang, labi-labi, penyu, biawak, ular, belut, kanggaru, zirafah, unta, tupai dan sebagainya dijadikan untuk kita. Ayat itu umum ertinya, oleh sebab itu perlu kita lihat: adakah binatang-binatang tersebut itu termasuk di dalam ayat-ayat yang mengecualikan beberapa benda yang haram? Terang dan nyata hal itu semuanya tidak termasuk, hanya tersebut firman Allah Taala di dalam surah al-An'am, ayat 146 [*sepatutnya 145]: "*Qul lā ajidu fī mā ūhiya ilayya muḥarraman 'alā tā'imīn yaṭ'amuhū illā an yakūna maytatan aw daman masfūhan aw laḥma khinzīrin fa innahū rijsun aw fisqan uhillā lighayri Allāhi bihī*". Ertinya katakanlah kepada mereka itu bahawa di dalam kitab yang diwahyukan kepadaku, tidak ada satu pun yang diharamkan untuk orang yang hendak makan, **melainkan bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi**, kerana daging babi itu kotor atau suatu yang disembelih kerana lain dari Allah.

Dengan ini kita dapat tahu, bahawa makanan yang diharamkan Allah tidak lain melainkan empat benda itu sahaja.

Pendeknya menurut Quran dan hadis tidak ada keterangan tentang haramnya ular, tupai dan lain-lainnya, sedang kita ketahui bahawa sekalian barang-barang makanan itu pada asalnya mubah atau halal "*al-aṣlu fi al-ashyā' al-ibāḥah*" pokok hukum terhadap segala tersebut itu mubah yakni sekalian macam barang-barang benda seperti makanan dan minuman hukum asalnya adalah dibolehkan **jika ada dalil (nas) melarangnya baharulah hukumnya haram**.

Sungguhpun menurut hadis ada beberapa macam binatang terlarang dimakan, tetapi oleh kerana Quran ada menaskan dengan alasan yang terang sekali iaitu (maksudnya): tidak ada satu pun yang diharamkan melainkan empat benda sahaja, maka dapatlah kita mengambil pengertian bahawa larangan-larangan hadis itu dipandang sebagai larangan makruh, sedang di dalam larangan itu tidak termasuk ular, biawak, labi-labi, penyu, tupai dan sebagainya, sekiranya kalau ada yang membahayakan seperti ada racun, mestinya jangan dimakan, kerana makan racun itu tetap haramnya. Boleh jadi ada ulama mengharamkan binatang-binatang tersebut kerana pendapat mereka bahawa: binatang-binatang itu termasuk di dalam barang yang busuk atau tidak baik. Menurut firman Allah di dalam surah al-A'raf ayat 157: "*Wa yuḥarrimu 'alayhimu al-khabā'ith*". Ertinya: Ia (Tuhan) haramkan atas mereka barang-barang yang tidak baik.

Perkataan *khabā'ith* itu ialah barang-barang yang tidak baik, itu belum tentu menunjukkan kepada penyu, kura-kura, ular, biawak, dan sebagainya, kerana ada ulama ertikan *khabā'ith* itu bukan kepada barang-barang tersebut, tetapi ialah apa yang diharamkan oleh Allah seperti ternyata disurah al-An'am ayat 146 [*sepatutnya 145] maksudnya: tidak ada satu pun yang diharamkan melainkan empat benda sahaja:

Ada *khabā'ith* daripada harta, *khabā'ith* daripada perbuatan, seperti merampas harta orang dengan tidak ada hak, umpamanya menipu, makan suap, mencuri, khianat dan sebagainya. Atau *khabā'ith* di atas nama ibadat; atau penyembelihan kepada suatu yang selain dari Allah; atau

khabā'ith pada makanan seperti bangkai dan darah memancar atau *khabā'ith* pada akal yang sempurna seperti makan babi yang akibatnya tidak mendatangkan kebaikan. Oleh itu ulama-ulama berpendapat bahawa Allah halalkan barang yang *tayyibāt* (baik) dan haramkan barang yang *khabā'ith* (tidak baik).

Maksudnya: *al-Tayyib* itu apa yang dipandang baik oleh agama, dan *al-khabā'ith* apa yang dipandang tidak baik oleh agama, kerana duduknya halal dan haram itu dengan hukum agama, bukan main akal fikiran, yakni apa yang kita rasa sedap semuanya halal, dan apa yang kita rasa tidak sedap dan tidak sesuai dengan perasaan kita hukumkanlah itu semuanya haram. Jadi haram halal itu terletak pada akal fikiran dan adat-adat sesuatu bangsa sahaja. Kalau diringkaskan, bahawa sekalian barang makanan yang di atas bumi ini halal bagi kita kalau mahu memakannya melainkan barang yang dikecualikan dengan terang oleh agama, kerana tidak boleh seorang mengharamkan suatu melainkan dengan nas yang terang dari agama.

Adapun tentang tidak gemar memakan barang itu atau tentang selera tidak terbuka untuk memakannya itu perkara lain tetapi yang halal tetap halal, tidak ada hak manusia untuk mengharamkan barang yang tidak diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

Daripada ibn 'Abbās dari Khālid ibn al-Walīd berkata: "*Akala al-ḍab 'alā mā'idati Rasūlillāhi salla Allāhu alayhi wa sallam*" *muttafaqun 'alayhi*. Ertinya: Pernah dihidangkan makanan biawak di dalam hidangan Rasulullah (SAW) maka oleh Rasulullah dihulurkan tangannya kepada biawak yang terpanggang itu, berkata perempuan-perempuan yang memasaknya yang ada di situ, beritahulah kepada Rasulullah apa makanan yang kamu masakannya itu, berkata mereka: Biawak yang kami sediakan ya Rasulullah, maka oleh Rasulullah diangkat tangannya dari makanan itu, maka berkata Khālid ibn al-Walīd: "*Aḥarāmun al-ḍab yā Rasūla Allāh? Qāla: ((Lā; walākinna bi arḍi qawīyy [walākinnahū lām yakun bi arḍi qawmī] fa ajidunī a 'āfuhu, Qāla Khālid fajtarartuhu fa akaltuhu wa Rasūlullahi yanẓur fa lam yanhanī – rawāhu al-jamā'ah.*

Kata Khālid: Adakah haram biawak itu ya Rasulullah untuk memakannya? Jawab beliau: Tidak! Tetapi aku tidak memakannya kerana binatang itu tidak biasa kelihatan di kampung

aku, maka aku merasa tidak suka memakannya. Berkata Khālid, maka aku pun menjamah dan memakannya sedang Rasulullah memandang sahaja padaku maka tidak ia melarangnya, berkata Imam al-Shāfi'ī dan al-Nawawī bahawa binatang biawak itu halal dimakan (mubah) dan tidak pula makruh hukumannya.

Dikeluarkan oleh 'Abd ibn Hamīd dari Taus berkata ia, bahawasanya orang-orang jahiliah telah mengharamkan beberapa perkara dan menghalalkan beberapa perkara dengan kehendak mereka sendiri, apa yang disukai mereka katakan halal, apa yang tidak diinginiyanya katakan haram, lalu diturunkan ayat: "*Qul lā ajidu fī mā ūḥiya ilāyya muḥarraman* sampai akhirnya" – katakanlah ya Muhammad tiada aku dapat pada barang yang diwahyukan kepadaku akan suatu makanan yang haram atas yang makan memakannya kecuali empat perkara, iaitu: bangkai, darah mengalir, daging babi maka bahawasanya ia itu kotor dan yang disembelih bagi yang lain daripada Allah.

Dari Mālik dari 'Abd Allāh ibn Dīnār dari 'Abd Allāh ibn 'Umar: "*Anna rajulan nādā Rasūla Allāh (SAW) fa qāla yā Rasūla Allāh mā tarā fī al-ḍab, fa qāla Rasūla Allāh (SAW) lastu bi aklīhī wa lā bi muḥarramihī*". Bahawasanya seorang lelaki menyeru Rasulullah (SAW) katanya: Ya Rasulullah! Apa katamu tentang biawak? Maka jawab Rasulullah (SAW) aku tak suka memakannya dan tidak dia diharamkan. Kerana Rasulullah tidak biasa memakannya ertinya bukanlah tiap-tiap suatu benda makanan kalau tidak disukainya pasti jadi haram. Bukan ini sahaja biasanya Rasulullah tidak suka tetapi kepada sayur-sayur yang berbau daunnya. Manusia banyak yang tidak suka meminum susu, minyak sapi, ikan pari dan yu, dan sebagainya kerana ketiadaan selernya bukan kerana haramnya.

Berkata al-Qāḍī Abī Muḥammad bahawa binatang-binatang yang melata di bumi itu semuanya makruh, berkata Abū Ḥanīfah dan al-Shāfi'ī: haram binatang-binatang itu untuk dimakan. Berkata Imam Malik bahawa alasan atau nas tentang halalnyanya ternyata dengan terangnya. Maka segala binatang tersebut tiada satu pun nas keterangan tentang haramnya oleh itu ternyatalah mubah dan halalnyanya walaupun binatang itu harimau, kucing dan sebagainya.

Dari ‘Amru ibn Dīnār katanya: aku berkata kepada Jābir ibn ‘Abd Allāh, hai Jābir adakah tidak mereka mengetahui bahawa Rasulullah (SAW) pernah melarang mereka itu dari memakan daging-daging keldai kampung yang jinak pada hari peperangan Khaybar? Jawabnya: Perkataan ini yang aku tahu datangnya dari al-Hākīm ibn ‘Amru dari Rasulullah (SAW) tetapi malangnya riwayat ini tidak diterima oleh al-Baḥru itu yakni ibn ‘Abbās, dan beliau bacakan ayat: “*Qul lā ajidu fī mā ūhiya ilayya muḥarraman ‘alā ṭa‘imin yaṭ‘amuhu*”. Terkecuali yang diharamkan dengan nas Quran hanya empat perkara sahaja.

Dari Muḥammad ibn Sharīk dari ‘Amru ibn Dīnār dari Abī al-Sha‘thā’ dari ibn ‘Abbās, katanya: adalah kaum jahiliah memakan makanan yang kotor-kotor, sesudah Allah hantarkan pesuruh-Nya dan diturunkan kitab-Nya (Quran) ia halalkan apa yang halalNya, dan diharamkan apa yang haramNya: *Fa mā uḥilla fa huwa ḥalālun wa mā ḥurrima fa huwa ḥarāmun wa mā sakata ‘anhu fa huwa ‘afwun wa qara’a hadhā al-āyah: Qul lā ajidu fī mā ūhiya ilayya muḥarraman ‘alā ṭa‘imin yaṭ‘amuhu al-āyah. Wa qāla al-hākīm hadhā hadīth ṣaḥīḥ al-isnād*. Ertinya: Apa jua yang dihalalkan maka halalNya ia, dan apa yang diharamkannya maka haramNya ia, dan apa yang didiamkannya itu ialah barang yang ia beri kelonggaran untuk kamu, lalu beliau baca ayat: *Qul lā ajidu fī mā ūhiya ilayya muḥarraman ‘alā ṭa‘imin yaṭ‘amuhu* hingga akhir ayat.

Maka selain daripada empat perkara itu dapatlah keputusannya iaitu halal, mubah tidak diharamkan kerana Allah tidak mengharamkannya. Oleh itu gugurlah bagi mereka yang mengatakan bahawa Nabi ada menegahkan memakan keldai negeri (*luḥūm al-ḥamar al-ahliyyah*) pada hari peperangan Khaybar dan *kullu dhī mikhlabu al-ṭayr*. Yakni Nabi menegah memakan binatang yang mempunyai siung atau taring dari binatang buas dan *kullu dhī mikhlabu min al-ṭayr*. Yakni Nabi menegah memakan tiap-tiap yang mempunyai kuku menyambar daripada burung. Inilah yang termasyhur dalam pendapat ulama-ulama *al-salaf afakullu khayr fi ittiba‘i min salaf, wa kullu sharrin fī ibtidā‘i min khalaf, ittibā‘ al-salaf* itu baik dan selamat.

Dikeluarkan oleh ibn Abī Hātim dan lain-lainnya dengan sanad yang sahih dari ‘Ā’ishah *raḍiya Allāhu ‘anhumā*: “*Annahā kānat idhā su‘ilat ‘an dhī nābin min al-sibā‘*

wa mikhlabu min al-ṭuyūr qālat: (qul lā ajidu) al-āyah sesungguhnya ‘Ā’ishah apabila ditanya kepadanya tentang binatang yang mempunyai siung (taring) dari binatang buas, dan tiap-tiap yang mempunyai kuku penyambar dari burung, katanya (*qul lā ajidu*) – hingga akhirnya ayat, tidak ada yang diharamkan melainkan perkara tersebut.

Dari Asmā’ binti Abī Bakar, Katanya: *dhabiḥnā ‘alā ḥarāmin illā mā ḥarrama Allāhu Ta‘āla fī kitābihi, (qul lā ajidu) – al-āyah*. Tidak ada sesuatu pun binatang yang dikatakan haram melainkan apa yang diharamkan Allah Ta’ala di dalam kitabNya (Quran) kerana firman Allah (*Qul lā ajidu* hingga akhir ayat).

Dari Asmād (Asmā’) binti Abī Bakar, katanya: “*dhabiḥnā ‘alā ‘ahdi Rasulullah (SAW) farsan wa naḥnu bi al-Madīnah fa akalnāhu*” *muttafaqun ‘alayhi*. Kami telah menyembelih pada masa Rasulullah (SAW) seekor kuda pada masa itu kami berada di Madinah maka makanlah kami semuanya.

Adapun hadis yang diriwayatkan dari Khālid ibn Al-Walīd katanya: “*inna al-Nabiyy (SAW) nahā yawma Khaybar ‘an luḥūm al-khaylī*” bahawasanya Nabi (SAW) ada melarang pada hari peperangan Khaybar memakan daging-daging kuda. Ahli hadis menolak hadis ini kerana hadis itu *shādh* dan *munkar*, kerana Khālid ibn al-Walīd tidak menyaksikan peperangan Khaybar dan belum pun dia memeluk agama Islam pada masa itu.

“*An Jābir anna al-Nabiyy (SAW) nahā ‘an aklu al-hirrun wa aklu thamanihā*” dari Jābir bahawasanya Nabi (SAW) melarang daripada memakan kucing dan memakan harganya. Hadis ini lemah. Berkata Khiṭābī *isnād*-nya tidak kuat. Imām al-Bayhaqī menolaknya kerana *isnād*-nya lemah kerana *rāwī*-nya ada seorang yang *majhūl*. Dalam pada itu Imām al-Shāfi‘ī berpendapat halal memakan kucing hutan sama dengan halalNya keldai hutan. *Wa al-hāṣil* dan pendeknya kedua-dua macam binatang itu sama sahaja tentang halalNya kerana firman Tuhan: (*Qul lā ajidu*)

Dikeluarkan oleh Abū Dāud dari Milqam ibn Talib daripada bapanya, katanya: “*Ṣaḥibtu al-Nabiyy (SAW) fa lam asma‘ liḥashrāti al-arḍi taḥrīman*” – aku menyertai Nabi (SAW) maka tidak pernah aku mendengar Nabi ada melarang memakan binatang itu” – (Hadis *rawāhu* al-Bukhārī dan lain-lainnya). *al-Khaylī*” (*rawāhu al-Bukhārī wa ghayrihi*). Ertinya: Telah berkata

di bumi itu haram. *Hasharāt al-arḍi* itu ialah seperti biawak, landak, ular, belut, *yarbū'* (kanggaru) dan lain-lainnya. Sekiranya ada juga yang mengatakan bahawa keldai negeri dan kucing negeri ada *wārid* hadis melarangnya maka kita berkata kalau pun demikian hanya larangan itu makruh sahaja, pada hal diterangkan sebagai yang di atas sebenarnya tidak ada, berbeza di antara binatang negeri dengan hutan.

Dengan ini kita dapat tahu bahawa makanan yang diharamkan Allah tidak lain melainkan empat benda itu sahaja.

Sekarang marilah kita periksa larangan-larangan yang tersebut pada hadis-hadis. Diriwayatkan: "*Qāla Jābir: Anna al-Nabiyy (SAW) nahā yawma khaybar 'an luhūm al-ḥamar al-ahliyyah wa udhdhina fī luhūm al-khayl'*" (*rawāhu al-Bukhārī wa ghayrihi*). Ertinya: telah berkata Jābir: Sungguhny di hari peperangan Khaybar, Nabi (SAW) pernah larang kami memakan keldai negeri dan ia benarkan daging kuda.

Diriwayatkan: "*Qāla ibn Abī Awfā: Aṣābatnā majā'ihī layālay Khaybar fa lammā kāna yawma Khaybar waqa 'nā fī al-ḥamar*

al-ahliyyah fa al-taharnāhā, fa lammā ghalat bihi al-qadūr nādā munādā Rasulullah (SAW) an akiffu' al-qudūr; lā ta'kulū min luhūm al-ḥamar shay'an" – (*rawāhu al-Bukhārī wa ghayrihi*).

Ertinya: "Telah berkata ibn Abī Awfā: Kami pernah kelaparan di malam peperangan Khaybar, maka di hari peperangan Khaybar itu, kami dapat keldai-keldai negeri lalu kami sembelih dia, setelah mendidih periuk-periuk diseru oleh tukang penyuru Rasulullah (SAW), katanya: Tumpahkanlah isi periuk-periuk itu, jangan kamu makan sedikit pun dari daging-daging keldai itu" – (Hadis *rawāhu* al-Bukhārī dan lain-lainnya).

Selain dari itu ada beberapa lagi riwayat menerangkan Rasulullah haramkan keldai negeri, dan pula yang menerangkan Rasulullah larangan memakannya, semua larangan Rasulullah itu adalah pada hari peperangan Khaybar.

Sabda Rasulullah (SAW): "*Kullu dhī min al-subā' fa akaluhu haram"* – (*rawāhu Muslim wa ghayrihi*). Ertinya: "Tiap-tiap binatang yang mempunyai siung (taring) dari binatang buas itu haram dimakan" – (Hadis riwayat Muslim dan lain-lainnya).

Bersambung



Pertunjukan kesenian Indonesia dalam Kolitium di Lahore, Pakistan baru-baru ini.